

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Tulisan merupakan hasil ciptaan manusia melalui tempoh masa yang lama. Secara amnya mengikut perkembangan sejarah, tulisan di dunia ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori yang utama, iaitu tulisan piktografik, tulisan ideografik dan tulisan fonografik.

(*Ensaiklopedia Bahasa dan Tulisan*, 1988.2 : 400-403)

Tulisan Cina merupakan tulisan ideografik. Ia berasal daripada tulisan piktografik purba yang diubahsuaikan (*Qi Yucun*, 1985:126). Secara khususnya, tulisan Cina boleh dibahagikan kepada enam klasifikasi yang dikenali sebagai *Liushu* (六书) iaitu kaedah induktif daripada cantuman beberapa bahagian radikal yang membawa maksud dan bunyi. (*Ensaiklopedia Bahasa dan Tulisan* 1988.2:260-261). *Liushu* yang mengandungi enam klasifikasi iaitu *tulisan piktografik* (*imitative drafts* / 象形), *tulisan penunjuk simbol* (*indicative symbols* / 指事), *tulisan pemahaman logik* (*logical aggregates* / 会意), *tulisan bunyi kompleks* (*phonetic complexes* / 形声), *tulisan pengalihan makna* (*mutually explanatory* / 转注) dan *tulisan pinjaman palsu* (*false borrowing* / 假借). Empat kategori di atas iaitu *tulisan piktografik*, *tulisan penunjuk simbol*, *tulisan pemahaman logik* dan *tulisan bunyi kompleks* merupakan empat kaedah mencipta tulisan Cina (造字法), manakala dua kategori yang lain iaitu *tulisan pengalihan makna* dan *tulisan pinjaman palsu* merupakan kaedah penggunaan tulisan Cina (用字法).

*Liushu* diperkenalkan oleh seorang ahli filologi *Liuxin* (刘歆) pada zaman dinasti *Han*. *Xushen* (许慎) seorang ahli filologi pada zaman dinasti *Han* (汉朝) juga dipengaruhi oleh *Liuxin* telah menghasilkan kamus tulisan Cina yang pertama yang disusun secara sistematik dan mengikut urutan radikal bentuk. Kamus ini telah memuatkan 9353 patah perkataan tulisan Cina dan memberi penerangan maksud setiap tulisan Cina berdasarkan teori *Liushu*.

Bahasa Cina dan tulisan Cina telah digunakan secara meluas dan penggunaannya melebihi 2000 tahun. Kini penggunaan bahasa Cina dan tulisan Cina semakin bertambah. Mengikut ahli akademik bernama *Zhuang Lianzhi* (庄连枝):

Tulisan Cina merupakan antara tulisan terawal di dunia. Kajian-kajian arkeologi menunjukkan bahawa tanda-tanda kemunculan tulisan Cina telah bermula sejak 8000 tahun yang lalu. Penemuan kulit kura-kura dan tulang binatang telah mengesahkan permulaan kewujudan tulisan Cina. Bentuk penulisan Cina kemudiannya berkembang sehingga sekarang. Selain daripada itu, tulisan Cina juga bertahan lama, berkembang dan tidak pernah pupus walaupun dicabar oleh tulisan rumi dan Barat (*Azhar Hj. Mad Aros dan lain-lain, 2000: 242-243*).

Perkembangan tulisan Cina bukan sahaja telah memberi sumbangan kepada perkembangan tamadun dan bahasa Cina bahkan juga telah memberi sumbangan kepada bahasa dan tamadun lain. Tamadun Jepun merupakan contoh jelas yang menerima sumbangan positif dalam perkembangan tulisan Cina. Bangsa Jepun telah mencipta tulisan sendiri iaitu Katakana dan Hiragana tetapi penggunaan tulisan Kanji amat penting. Selain daripada Jepun, bangsa Korea dan Vietnam juga meminjam tulisan Cina bagi tujuan

bahasa dan tamadun lain. Tamadun Jepun merupakan contoh jelas yang menerima sumbangan positif dalam perkembangan tulisan Cina. Bangsa Jepun telah mencipta tulisan sendiri iaitu Katakana dan Hiragana tetapi penggunaan tulisan Kanji amat penting. Selain daripada Jepun, bangsa Korea dan Vietnam juga meminjam tulisan Cina bagi tujuan melaksanakan kehidupan harian mereka sebelum muncul tulisan tersendiri (*Azhar Hj.Mad Aros dan lain-lain, 2000: 242-243*).

Tulisan Cina merupakan satu-satunya tulisan ideografik yang masih digunakan pada masa kini. Dengan keunikan tulisan Cina dari segi sejarah dan proses penciptaannya, adalah mustahil untuk kita mengetahuinya secara mendalam hanya dengan melihat dan membaca secara luaran iaitu dari segi bentuk dan struktur tulisan itu sendiri. Oleh yang demikian, kajian secara mendalam mengenai tulisan Cina perlu dilakukan supaya dapat mencungkil khazanah budaya masa lampau yang makin dilupakan oleh generasi moden masa kini.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Tulisan Cina merupakan hasil ciptaan budaya rakyat Cina turun-temurun dan dianggap sebagai khazanah budaya seperti mana yang dinyatakan oleh *Zhuang Lianzhi* :

*"Tulisan Cina (Hanzi) menunjukkan kebanggaan dan kecemerlangan kebudayaan bangsa Cina sejak lima ribu tahun dahulu. Hanzi boleh dianggap sebagai ciptaan kelima bangsa Cina dimana Hanzi telah merangkumi keintelektualan nenek moyang bangsa Cina. Selain itu Hanzi juga membawa maksud tersirat iaitu tentang konsep falsafah, kemanusiaan, keluargaan, kesenian nenek moyang bangsa Cina." (Zhuang Lianzhi, 1997:91).*

Tulisan Cina yang dilihat sebagai tulisan ideografik merupakan satu-satunya tulisan yang terdapat pada kehidupan manusia zaman ini. Ia berasal daripada tulisan piktografik

purba yang diberi pengubahsuaian (*Qi Yucun, 1985:126*) dan berkembang menjadi tulisan yang berbentuk garisan coretan. Selain daripada itu, tulisan Cina boleh dikatakan sebagai satu-satunya tulisan piktografik di dunia yang masih digunakan selain daripada *tulisan piktografik Dongba* (东巴) yang masih digunakan oleh suku kaum *Naxi* (纳西族) di *Lijiang* (丽江) daerah *Yunnan* (云南). Mengikut *Dong Yantang* (董彦堂), tulisan piktografik tersebut disebut sebagai *Mexie Xiangxing Wenzi* (麽些象形文字). Tulisan tersebut berkembang sendiri dan tidak dipengaruhi oleh bahasa dan tulisan Cina di persekitarannya (*Su Tongsi, 1955 : 643-644*).

Pada masa kini, tulisan Cina semakin berfungsi dan memainkan peranan yang penting. Lebih-lebih lagi perkembangan ekonomi negara China yang bertambah pesat telah mendorong perkembangan bahasa dan tulisan Cina. Selain daripada itu, arus perkembangan dalam era komputer telah melahirkan program-program komputer serta sistem bahasa perkomputeran Cina dan tulisan Cina. Kejayaan bahasa dan tulisan Cina telah memberi peluang kepada bahasa itu sendiri untuk melangkah ke depan untuk menghadapi cabaran masa depan.

Bahasa Cina merupakan satu bahasa yang padat dalam penyampaian maknanya seperti mana yang dinyatakan oleh seorang ahli bahasa *Liang Houfu* (梁厚甫):

*“ Bahasa Cina merupakan salah satu bahasa yang terulung di dunia apabila bahasa tersebut dapat menyampaikan sesuatu dalam kegunaan bahasa yang ringkas. Ini dapat dibuktikan dengan menggunakan sebarang kamus bahasa Inggeris dan kamus bahasa Cina, sekiranya penggunaan bahasa Inggeris memerlukan sebanyak 10 000 patah perkataan dalam menerangkan maksud, kamus bahasa Cina hanya memerlukan 1000 patah perkataan untuk menerangkan maksud yang sama dengan jelas sekali.”* (*Liang Houfu, 1987: 20*)

Tulisan Cina merupakan satu-satunya tulisan ideografik yang masih berfungsi dan diguna pada masa kini. Walau bagaimanapun, sesiapa yang hendak menguasai keistimewaan bahasa tersebut secara luaran akan menghadapi kegagalan. Hanya mereka yang memperoleh pengetahuan fonologi dan filologi serta etimologi bahasa Cina berupaya memahami sifat-sifat tulisan Cina yang bermakna dan seterusnya menggunakan tulisan Cina secara berkesan. Ini adalah kerana setiap tulisan Cina terdiri daripada “garisan-garisan” yang berlainan dan setiap “garisan” tersebut memainkan peranan penting dalam tulisan Cina sama ada dari segi fonetik atau makna(*Shu Peicheng, 1994:58*).

*Zhang Huaiquan* (张怀权)(*Wang Dingji, 1996:236-237*) pada zaman Dinasti Tang dalam karyartya “*Yutahg Jinjin · Yohgb Fa*” (玉堂禁经·用笔法) telah merumuskan “garisan-garisan” tulisan Cina kepada lapan usapan (*stroke*) yang utama yang dinamakan “*Yongzi Ba Fa*” (永字八法). Teori “*Yongzi Ba Fa*” yang dikemukakan oleh *Zhang Huaiquan* adalah dari sudut kaligrafi dan struktur tulisan Cina, namun memang ada perkaitan di antara struktur dan makna sesuatu tulisan Cina. Oleh yang demikian, penguasaan ilmu pengetahuan berkenaan “garisan-garisan” tulisan Cina adalah begitu penting sekali demi menguasai bahasa tersebut .

### 1.3 Pernyataan Masalah.

Penggunaan bahasa dan tulisan Cina yang semakin meluas dan berkembang pesat merupakan satu kenyataan yang memang tidak dapat dinafikan. Pada dekad 80-90-an kemajuan ekonomi yang pesat di Asia terutamanya di Hong Kong, Taiwan, Korea dan Singapura yang digelar sebagai “*Empat Naga Kecil di Asia*” (亚洲四小龙) disertai

dengan kemajuan ekonomi Republik Rakyat Cina, penggunaan bahasa dan tulisan Cina makin bertambah penting. Ekoran dari kemajuan ekonomi dan penggunaan bahasa dan tulisan Cina di Asia telah melahirkan satu arus pembelajaran bahasa dan tulisan Cina secara pesat.

Fenomena yang sama juga berlaku di dalam negara kita sendiri. Terdapat lebih kurang 60 000 ibu bapa bukan Cina menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah Cina untuk belajar bahasa Cina (*Nanyang Siangpao* 2001.12.25). Keadaan yang sama juga berlaku di institusi pengajian tinggi, hampir kesemua universiti tempatan menyediakan kursus kemahiran bahasa Cina peringkat permulaan. Sehubungan dengan itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menetapkan Bahasa Mandarin sebagai salah satu bahasa ketiga pilihan yang wajib dibelajar oleh pelajar-pelajar program ijazah (*Peraturan Akademik Universiti Teknologi MARA 2000/01* : 8).

Bahasa Cina merupakan salah satu jenis bahasa bertona. Tulisan Cina pula mempunyai keunikannya tersendiri iaitu mengandungi “bentuk” (*Xing / 形*), “bunyi” (*Yin / 音*) dan “semantik” (*Yi / 义*). Keunikan tulisan Cina itu sendiri yang sentiasa menjadi penghalang dan masalah yang besar kepada pelajar-pelajar bahasa Cina baik orang Cina sendiri mahupun bangsa-bangsa yang lain. Keunikan tulisan Cina telah menyebabkan kebanyakan orang belajar bahasa dan tulisan Cina secara luaran sahaja. Oleh yang demikian, untuk membelajari bahasa dan tulisan Cina dengan lebih berkesan adalah lebih menguntungkan sekiranya belajar dari aspek etimologi, filologi tulisan Cina dan tulisan Cina moden. Maka teori *Liushu* harus diutamakan.

Tulisan buni komplex merupakan tulisan yang terbanyak dalam tulisan Cina iaitu lebih kurang 80 peratus daripada jumlah tulisan Cina (*Wang Dingji, 1996: 58*). Keunikan tulisan buni komplex berdasarkan perkaitan antara bentuk, makna dan sebutan atau buni.

Pakar sinologi Sweden, *Bernhard Karlgren* (1889-1978) dalam karyanya “*Words Family in Chinese*” (*Bernhard Karlgren, 1935 :1-20*) dan “*Analytic Dictionary of Chinese and Sino-Japanese*” (*Bernhard Karlgren, 1923:16-33*) telah memuatkan tulisan Cina berdasarkan ciptaan *xingsheng* iaitu bacaan tulisan Cina yang sama digulungkan kepada kumpulan perkataan yang sama, tetapi dalam pembahagian kumpulan perkataan berdasarkan *xingsheng* yang dikenali oleh beliau sebagai *Zizu* (字族 / kerabat perkataan / words family). Beliau tidak mengkaji sama ada “komponen buni” dalam sesuatu tulisan Cina atau kumpulan tulisan Cina itu membawa maksud atau sebaliknya. Maka lanjutan daripada kajian *Bernhard Karlgren* itu telah memberi inspirasi kepada pengkaji lain untuk menjalankan penyelidikan yang berdasarkan tulisan buni komplex berdasarkan 3000 patah perkataan tulisan Cina yang paling kerap digunakan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah berkaitan dengan “*maksud*” yang terdapat pada kumpulan *tulisan buni komplex* (*xingshengzi*) berdasarkan 3000 patah perkataan tulisan yang paling kerap digunakan. Kaitan antara “*maksud*” dan “*komponen buni*” pada setiap kumpulan tulisan Cina yang mempunyai bacaan yang sama akan dititikberatkan. Objektif-objektif yang hendak dicapai dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut :

- i) Menghasilkan satu senarai klasifikasi “maksud komponen bunyi tulisan bunyi kompleks” berdasarkan 3000 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang paling kerap digunakan.
- ii) Mengenal pasti sama ada komponen bunyi dalam tulisan bunyi kompleks membawa maksud atau sebaliknya .

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Tulisan Cina merupakan satu-satunya tulisan ideografik yang masih digunakan oleh manusia pada zaman moden ini. Oleh yang demikian, tulisan Cina adalah berbeza daripada tulisan piktograf dan tulisan fonografik yang lain. Keunikan tulisan Cina menjadikan orang yang hendak belajar bahasa Cina mengalami banyak kerumitan dan masalah seperti tulisan Cina susah hendak ditulis, diingati dan dibaca. Maka kajian “maksud mengenai komponen bunyi tulisan bunyi kompleks berdasarkan 3000 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang paling kerap digunakan” akan cuba mengatasi masalah tersebut .

Kajian tulisan bunyi kompleks adalah penting kerana menerusi kajian ini dapat mencungkil keunikan tulisan Cina yang terpendam iaitu hubungan maksud dengan komponen bunyi pada tulisan bunyi kompleks yang masih diterima pakai pada masa kini. Penyelidikan ini adalah bersesuaian memandangkan pengguna tulisan Cina adalah paling ramai di dunia iaitu lebih daripada 12 bilion orang penggunanya di seluruh dunia pada masa kini (*Fei Jinchang dan lain-lain, 1999 :4*).

Penyelidikan ini hanya menumpukan kepada tulisan bunyi kompleks yang diperoleh daripada 3000 patah perkataan yang paling kerap digunakan. Lebih daripada 80 peratus tulisan Cina terdiri daripada tulisan bunyi kompleks dan rujukan utama maksud asal tulisan-tulisan bunyi kompleks dibuat berdasarkan kepada kamus *Shuowen Jiezi* (说文解字). Kamus *Shuowen Jiezi* merupakan kamus pertama disusun secara bersistem mengikut struktur radikal dalam tulisan Cina. Rujukan maksud juga dilakukan ke atas sebuah kamus yang berkaitan rapat dengan kamus *Shuowen Jiezi*. Kamus tersebut ialah *Shuowen Jiezi Jinshi* (说文解字今释/ *Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*). Selain daripada itu, maksud tulisan bunyi kompleks yang disenaraikan dan tidak tercatat dalam kamus *Shuowen Jiezi* akan dirujuk kepada kamus yang terkini iaitu *Xiandai Hanyu Cidian* (现代汉语词典/*Kamus Bahasa Cina Modern, Syarikat Penerbitan Shang Wu: Bei Jing 1996*)

Akhir sekali, bahasa Cina seharusnya menyesuaikan diri dengan arus peredaran zaman globalisasi. Kajian-kajian seharusnya dijalankan pada setiap masa supaya bahasa Cina tidak ketinggalan zaman dan dapatan hasil kajian akan membawa manfaat kepada semua pihak.

## **1.6 Bidang dan Batasan Kajian**

Bidang kajian ini adalah berkaitan dengan etimologi tulisan Cina dan tulisan Cina moden. Bidang kajian berkait rapat dengan etimologi tulisan Cina kerana kajian ini hendak merujuk kepada konsep teori *Liushu* dan membuat rujukan kepada kamus pertama tulisan Cina yang disusun secara sistematik iaitu kamus “*Shuowen Jiezi*” (说文解字) dan *Kamus Penerangan Shuowen Jiezi* (说文解字今释). Selain itu, bidang kajian juga amat berkaitan dengan tulisan Cina moden iaitu tulisan yang kerap digunakan pada masa kini.

Memandangkan tulisan Cina mempunyai bilangan yang besar iaitu melebihi 85 000 patah perkataan (*Fei Jinchang, 2000:17*), penyelidikan ini hanya akan menumpukan kepada 3000 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang paling kerap digunakan. Tumpuan khas diberikan kepada kumpulan *tulisan bunyi kompleks* Cina yang mempunyai siri komponen bunyi yang sama. Pemilihan ke atas 3000 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang paling kerap digunakan (*3000 Common Chinese Character*) mempunyai kebolehpercayaannya yang tersendiri dan penyelidikan telah dijalankan oleh beberapa institusi pendidikan (sila rujuk bab 3, muka surat 56). Kajian yang dijalankan oleh pakar linguistik bernama *Zhou Youguang* (周有光) telah menunjukkan bahawa sejumlah 2400-3800 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang paling kerap kegunaannya telah merangkumi kekerapan penggunaannya yang tinggi iaitu 99.9 peratus. Selain daripada itu, kumpulan tulisan bahasa Cina tersebut juga hendak diterima pakai dalam *Xiandai Hanyu Cidian* (现代汉语词典).

## **1.7 Definisi Istilah**

Berikut pengkaji akan membincangkan beberapa definisi istilah yang akan timbul dalam bab-bab seterusnya.

### **1.7.1 Kumpulan Tulisan Bahasa Cina (*Ziqun / 字群*)**

Mengikut *Ng Pek Hon* dalam karyanya “*The Theory of Chinese Character Groups*” telah memberi definisi kepada Kumpulan Tulisan Bahasa Cina (*Chinese Character Groups*) iaitu tulisan Cina yang berasal dari satu rumpun yang sama dan kaitan antara satu tulisan Cina dengan satu tulisan Cina yang lain sekurang-kurangnya

mempunyai satu unsur yang sama. Contohnya dalam ‘*Kumpulan Komponen Tulisan Cina*’ mempunyai komponen yang sama pada tulisan Cina yang berkaitan. Mengikut *Ng Pek Hoon*, *Ziqun* dapat dibahagikan kepada enam jenis yang utama iaitu:

- i) *Tongbu Ziqun* (同部字群) yang mempunyai komponen yang sama seperti: “霜” (*shuang*), “雪” (*xue*), “雾” (*wu*), “露” (*lu*) di mana komponen yang sama ialah 雨.
- ii) *Tongbu Xianguan Ziqun* (同部相关字群) yang mempunyai perkaitan dari segi makna seperti: “煎” (*jian*), “炒” (*chao*), “炸” (*zha*), “煮” (*zhu*) di mana “...”, “火” ada berkaitan dengan cara memasak yang menggunakan ‘api’ .
- iii) *Tongbu Tongyi Ziqun* (同部同义字群) yang mempunyai komponen dan makna yang hampir sama seperti: “思” (*si*), “想” (*xiang*), “念” (*nian*) di mana radikal “心” (*xin*) ada perkaitan dengan makna “berfikir, ingat dan rindu” .
- iv) *Tongsheng Ziqun* (同声字群) yang mempunyai bacaan bunyi yang sama seperti : “包” (*bao*), “苞” (*bao*), “胞” (*bao*), “抱” (*bao*), “拖” (*bao*) di mana kesemuanya bacaan adalah berkaitan dengan “包” (*bao*).
- v) *Tongyi Ziqun* (同义字群) yang mempunyai makna yang sama seperti: “喜” (*xi*), “悦” (*yue*), “欢” (*huan*), “欣” (*xin*), “乐” (*le*) di mana kesemuanya membawa makna “suka” atau “gembira” .

vi) *Xiangguan Ziqun* (相关字群) yang mempunyai makna yang telah diringkaskan seperti: warna “颜色” (*yanse*): “黄” (*huang*), “蓝” (*lan*) , “红” (*hong*), “青” (*qing*), “绿” (*lu*) iaitu “warna” merujuk kepada warna-warna seperti : merah, kuning, hijau, biru dan sebagainya.

### 1.7.2 Tulisan Bunyi Kompleks (形声字 / *Xingshengzi*)

*Tulisan Bunyi Kompleks* ialah sebarang tulisan Cina yang direka cipta berdasarkan konsep komponen “radikal bentuk” (形符) dan “komponen bunyi” (声符). Sesuatu tulisan Cina yang dicipta berdasarkan konsep tersebut yang mengandungi “radikal bentuk” dan “komponen bunyi” akan dikategorikan sebagai *Tulisan Bunyi Kompleks* atau *Xingshengzi*.

Sekiranya dilihat dari segi kedudukan dan struktur “radikal bentuk” dan “komponen bunyi” , Tulisan Bunyi Kompleks boleh dibahagikan kepada enam jenis yang berlainan iaitu kiri, kanan, atas, bawah, dalam dan luar. (*Liang Donghan, 1959 :132*). Contoh-contohnya adalah seperti berikut:

i) “Zuoxing yousheng” (左形右声)(sebelah kiri radikal bentuk dan sebelah kanan komponen bunyi).

“湖” (*hu*), “湖” (*hu*) bermaksud “tasik” radikal bentuk di sebelah kiri iaitu “氵” bermaksud “air” dan komponen bunyi di sebelah kanan iaitu “胡” menandakan bacaan bunyi “*hu*” .

ii) “Zuosheng youxing” (左声右形)(sebelah kiri komponen bunyi dan sebelah kanan radikal bentuk).

“期” (*qi*), “期” (*qi*) bermaksud “sesuatu tempoh masa” , komponen bunyi di sebelah kiri iaitu “其” menandakan bacaan bunyi “*qi*” sedangkan radikal bentuk di sebelah kanan “月” bermaksud “bulan” .

iii) “Shangxing xiasheng” (上行下声)( sebelah atas radikal bentuk dan sebelah bawah komponen bunyi).

“籃” (*lan*), “籃” (*lan*) bermaksud “raga” , radikal bentuk di sebelah atas iaitu “竹” (*lan*) bermaksud “buluh” , komponen bunyi di sebelah bawah iaitu “监” (*lan*) menandakan bacaan bunyi.

iv) “Shangsheng xiaoxing” (上声下形)(sebelah atas komponen bunyi dan sebelah bawah radikal bentuk).

“基” (*ji*), “基” (*ji*) bermaksud “asas atau tapak” , komponen bunyi di sebelah atas iaitu “其” menandakan bacaan bunyi “*qi*” , radikal bentuk di sebelah bawah iaitu “土” bermaksud “tanah” .

v) “Neisheng waixing” (内声外形) (sebelah dalam komponen bunyi dan sebelah luar radikal bentuk).

“固” (*gu*), “固” (*gu*) bermaksud “kukuh” , radikal bentuk di sebelah luar iaitu “口” bermaksud “tembok yang kukuh” , komponen bunyi di sebelah dalam iaitu “古” menandakan bacaan bunyi “*gu*” .

vi) “*Neixing waisheng*” (内形外声)( sebelah dalam radikal bentuk dan sebelah luar komponen bunyi).

“问” (*wen*), “问” (*wen*) bermaksud “menanya” , komponen bunyi di sebelah luar iaitu “门” menandakan bacaan bunyi, radikal bentuk di sebelah dalam iaitu “口” bermaksud “mulut” .

### 1.7.3 Maksud

*Maksud* merujuk kepada sesuatu tulisan Cina yang mempunyai maksud di dalam tulisan tersebut, terutamanya dari siri bunyi dan rumpun tulisan yang sama. Ia merujuk kepada sesuatu tulisan bahasa Cina tersebut. Selain mempunyai makna dari luarannya, ia juga mengandungi maksud dalamannya yang biasanya tidak diketahui oleh orang ramai. Sebagai contoh, tulisan “康” (*kang*) , “糠” (*kang*) yang mempunyai bacaan yang sama iaitu *kang* , orang ramai hanya tahu membaca tulisan tersebut dan tahu maksud secara luaran seperti “康” (*kang*) bermaksud sihat dan “糠” (*kang*) iaitu kulit beras atau sisa beras. Sebenarnya tulisan Cina yang ada komponen bunyi “康” (*kang*) kebanyakan membawa maksud “kekosongan” atau “kehampaan” seperti “糠” (*kang*) bermaksud beras yang kosong. Menurut *Shuowen Jiezi*, “糠” (*kang*) bermaksud di pertengahan kawasan air ada tempat “kosong” atau tempat lapang. Pendek kata, kajian *maksud* merujuk kepada kajian makna yang terpendam dalam sesuatu tulisan Cina khususnya yang terdapat pada sesuatu “komponen bunyi” tulisan bahasa Cina.

#### **1.7.4 3000 Patah Perkataan Tulisan Bahasa Cina yang Paling Kerap Digunakan(3000 常用汉字)**

Tulisan bahasa Cina mempunyai lebih daripada 85 000 patah perkataan. Jumlah tulisan Cina yang lebih daripada 85 000 patah perkataan itu merangkumi tulisan lama yang tidak digunakan pada masa kini dan juga tulisan yang masih digunakan pada zaman moden ini. Namun demikian adalah mustahil bagi seseorang atau individu untuk menguasai jumlah bilangan perkataan tulisan Cina yang begitu banyak.

Pada tahun 1988, Jawatankuasa Bahasa dan Tulisan Cina Negara China (国家语言文字委员会) telah mengumumkan “3500 Patah Perkataan Tulisan Bahasa Cina yang Paling Kerap Digunakan” yang menunjukkan tulisan Cina yang paling kerap dan umum digunakan oleh pengguna bahasa Cina.

“3000 Patah Perkataan Tulisan Bahasa Cina yang Paling Kerap Digunakan” pula merupakan satu hasil kajian yang dijalankan oleh beberapa institusi pendidikan yang menunjukkan 3000 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang paling kerap digunakan oleh pengguna bahasa Cina (sila rujuk bab 3, muka surat 56).

Maksud istilah “Tulisan Bahasa Cina” boleh disamaartikan dengan “Tulisan Cina”. Istilah “Tulisan Bahasa Cina” yang digunakan oleh pengkaji akan diringkaskan kepada “Tulisan Cina” untuk penerangan seterusnya dalam kajian ini .

## **1.8 Kamus-kamus yang Digunakan dalam Kajian ini**

Dalam kajian ini, pengkaji akan merujuk kepada beberapa buah kamus. Kamus-kamus yang digunakan dalam kajian ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kamus-kamus utama dan kamus-kamus rujukan. Kamus-kamus utama ialah kamus-kamus yang digunakan untuk membuat rujukan utama. Penerangan dalam kamus tersebut akan dijadikan asas atau dasar kajian dan juga sebagai penentuan dalam proses menganalisis. Kamus-kamus utama boleh dianggap sebagai sumber rujukan utama dalam kajian pengkaji. Kamus-kamus utama akan dibincangkan oleh pengkaji secara terperinci.

Kamus-kamus rujukan pula merujuk kepada kamus-kamus yang dijadikan rujukan dalam proses penterjemahan, interpretasi dan penulisan disertasi pengkaji. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai rujukan akademik dalam aspek-aspek berkaitan. Kamus-kamus rujukan tidak akan dibincangkan secara terperinci tetapi maklumat tentang kamus-kamus rujukan boleh diperoleh pada bahagian bibliografi (sila rujuk muka surat 144-148).

### **1.8.1 *Kamus Shuowen Jiezi* (说文解字)**

Menurut *Ensaiklopedia Bahasa dan Tulisan 1988*, *Kamus Shuowen Jiezi* merupakan kamus yang terawal dan terulung dalam sejarah tulisan Cina. *Kamus Shuowen Jiezi* amat mempengaruhi kamus-kamus tulisan Cina yang lain. Ia dikarang oleh *Xu Shen* pada zaman dinasti *Dong Han*(东汉). *Xu Shen* mengambil masa 22 tahun untuk menyiapkan *Kamus Shuowen Jiezi*.

Kamus ini memuatkan 9353 patah perkataan tulisan Cina dan 1163 patah perkataan tulisan “luar biasa” (异体字). Kamus ini merupakan kamus pertama yang disusun mengikut radikal dan membahagikan kesemua tulisan Cina kepada 540 radikal.

### 1.8.2 *Shuowen Jiezi Jinshi* (*Kamus Penerangan Shuowen Jiezi* / 说文解字今释)

*Shuowen Jiezi Jinshi* (*Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*) menggunakan bahasa Cina moden untuk memberi penerangan ke atas 9353 patah perkataan tulisan bahasa Cina yang terkandung dalam *Kamus Shuowen Jiezi*. *Shuowen Jiezi Jinshi* (*Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*) diedit oleh penkaji bahasa *Tang Kejin* (汤可敬). Kelebihan kamus ini ialah menggunakan bahasa Cina moden untuk memberi penerangan maksud dan juga membuat rujukan-rujukan yang lain berkaitan makna 9353 patah perkataan. Hubungan antara *Kamus Shuowen Jiezi* dan *Shuowen Jiezi Jinshi* (*Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*) adalah sangat erat. Kesemua penerangan maksud ke atas 9353 patah perkataan dalam *Shuowen Jiezi Jinshi* (*Kamus Penerangan Shuowen Jiezi*) adalah berasal dari *Kamus Shuowen Jiezi*.

### 1.8.3 *Kamus Bahasa Cina Moden* (*Xiandai Hanyu Cidian*/ 现代汉语词典)

*Kamus Bahasa Cina Moden* ialah kamus yang paling komprehensif dan terkini mengenai penerangan maksud dalam bahasa Cina moden. Kamus ini telah mengambil masa lebih kurang 20 tahun untuk disiapkan. Kamus ini mula ditulis pada tahun 1958 dan dibukukan pada 1978. Kamus ini bukan dihasilkan secara perseorangan tetapi dihasilkan oleh satu jawatankuasa editorial daripada Institut Kajian Sains Sosial dan Bahasa Negara

China (中国社会科学院语言研究所) di bawah seliaan kerajaan negara China. Rujukan maksud dibuat oleh pengkaji ke atas kamus ini memandangkan kewibawaan kamus tersebut.

#### 1.8.4 *Kamus Shiyong Tongyuan Zidian* (实用同源字典)

*Kamus Shiyong Tongyuan Zidian* dipilih sebagai salah sebuah kamus rujukan utama memandangkan kamus tersebut mempunyai kaitan dan bersesuaian dengan penyelidikan pengkaji. *Kamus Shiyong Tongyuan Zidian* merupakan sebuah kamus yang disusun mengikut pinyin dan penekanan kamus ini ialah berkaitan dengan maksud-maksud asal sesuatu perkataan. Selain daripada itu, kamus ini juga membuat rujukan kepada kamus yang lain seperti *Kamus Shuowen Jiezi*, *Kamus Zhongwen Da Cidian* (Taiwan) (中文大词典)(台湾), *Hanyu Da Zidian*(汉语大字典) terbitan Syarikat Penerbitan Hubei Cishu (湖北辞书出版社). Editor *Kamus Shiyong Tongyuan Zidian* ialah Zhang Jitou (章季涛) , seorang profesor bersara dari Universiti Hubei yang mengajar bahasa klasik Cina (古代汉语). Kamus ini mengambil masa lebih daripada tiga puluh tahun untuk disiapkan. Memandangkan pengalaman editor kamus ini, rujukan yang dibuat dalam kamus ini dan kesesuaian penerangan maksud , maka *Kamus Shiyong Tongyuan Zidian* menjadi kamus rujukan utama dalam penyelidikan pengkaji.